

Impian tawan industri kelautan tercapai

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

IMPIANNYA mahu “menawan” industri maritim yang penuh cabaran merupakan langkah pertama mencapai cita-cita idamannya – menjadi kapten kapal!

Encik Mohammed Shaquille M Dawoodsha, 19 tahun, lulusan madrasah sepenuh masa di sini, melayakkan diri menyertai Akademi Maritim Singapura (SMA) di Politeknik Singapura tahun lalu.

Pelajar tahun kedua kursus diploma jurusan pengajian nautika itu, yang juga penerima biasiswa SMA-MaritimeONE, merupakan antara anak muda yang berminat menyertai industri maritim setempat, sejajar dengan usaha pemerintah ingin

mengembangkan lagi sektor tersebut.

Menjelaskan keputusannya melanjutkan pelajaran dengan menyertai SMA, Encik Mohammed Shaquille berkata:

“Saya suka cabaran. Segalanya baru bagi saya, tetapi menerusi pengalaman ini, saya dapat mengenali diri saya lebih mendalam dan melihat bagaimana saya dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kelautan yang berbeza.”

Beliau berkata bapanya juga menggalakkan beliau agar berusaha keras kerana yakin laluan yang diambilnya itu akan membuka lebih banyak peluang mempertingkatkan diri.

Seorang lagi anak Melayu yang bakal memulakan kerjaya pertamanya dalam sektor maritim ialah Encik Suhaimi Sudar.

Encik Suhaimi, 25 tahun, yang juga penerima biasiswa Yayasan Maritim Singapura (SMF), akan mula bekerja di sebuah syarikat pengangkutan barangan, Ecu-Line, bulan ini.

Lulusan Sarjana Muda Sains (Ekonomi) dalam pengurusan operasi daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu ditawarkan beberapa pilihan kerjaya lain.

Namun beliau memilih sektor maritim kerana menurutnya ia menawarkan pelbagai peluang dan prospek yang menarik.

“Walaupun tahap pendidikan itu penting, apa yang lebih penting ialah sama ada seseorang itu minat dengan industri ini dan bersedia mempelajari selok-belok dalam bidang maritim,” ujarnya.

Menurut Encik Suhaimi lagi, terdapat banyak usaha yang di-

jalankan industri maritim dan pemerintah mendekati orang ramai dalam usaha menyampaikan maklumat mengenai sektor maritim di samping menghapuskan segala keraguan tentang industri itu, seperti mengadakan sesi dialog dan sebagainya.

Beliau akur usaha seperti itu penting bagi membolehkan lebih ramai orang ramai mengenali industri maritim dengan lebih dekat.